

15 NOV 1998

APEC-BERITA-SINGAPURA/I

PM: HUBUNGAN M'SIA-S'PURA KEMBALI KE LANDASAN YANG SAMA

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata di sini hari ini bahawa hubungan antara Malaysia dan Singapura telah kembali ke landasan yang sama.

"Tidak rapat seperti dahulu tetapi Selat Teberau masih memisahkan kami -- masih dengan keluasan yang sama," katanya dalam menjawab soalan di sidang media selepas membuka Sidang Kemuncak Perniagaan Apec.

Dr Mahathir berkata Malaysia dan Singapura masih berbincang dan ada kemungkinan kedua-dua negara akan menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

"Tetapi bukan semua masalah, masalah akan ada yang akan mengganggu kami. Tetapi itu tidak mencukupi bagi kami untuk mempunyai sebarang konfrontasi contohnya," katanya

Hubungan antara kedua-dua negara tegang baru-baru ini berikutan perpindahan kemudahan kastam, imigresen dan kuarantina dari Tanjong Pagar ke Woodlands.

Bagaimanapun, hubungan itu berubah menjadi mesra selepas pertemuan antara Dr Mahathir dan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong di sini minggu lepas.

-- BERNAMA

AFY JR MA